

# **BAB 2**

**BAB DUA**  
**GAYA BAHASA PUJIAN DAN CELAAN :**  
**PENGERTIAN DAN PANDANGAN AHLI SARJANA**

**2.0 Pengenalan**

Bahasa Arab mengandungi pelbagai jenis gaya bahasa. Setiap gaya bahasa tersebut membawa makna tertentu yang berbeza dengan gaya bahasa yang lain. Seperti yang dijelaskan dalam Bab 1.1, bahasa Arab mengandungi 9 jenis gaya bahasa. Salah satu dari gaya bahasa tersebut ialah Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan. Bab ini akan menghurai terlebih dahulu maksud Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dari aspek bahasa dan istilah. Penulis akan merujuk kamus-kamus bahasa Arab, bahasa Melayu, dwi bahasa Arab-Melayu serta kitab-kitab terjemahan ayat al-Quran sebagai panduan untuk memahami maksud istilah-istilah pujian dan celaan.

Seterusnya, penulis akan menerangkan jenis-jenis KK pujian dan celaan yang digunakan dalam bahasa Arab, khususnya yang terdapat di dalam al-Quran. Penulis akan menghuraikan semua kaedah serta teori yang digunakan dalam menganalisis ayat-ayat pujian dan celaan. Pandangan-pandangan ahli sarjana bahasa Arab tentang Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan akan dikemukakan dalam bab ini. Kebanyakan contoh-contoh yang dikemukakan dalam bab ini adalah dipetik dari beberapa ayat al-Quran, hadis nabi saw, bait-bait syair dan kalam-kalam Arab.

## 2.1 Pengertian Istilah Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan

Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dalam ilmu sintaksis bahasa Arab disebut sebagai Uslu:b al-Madh Wa al-Dhamm. Istilah uslu:b berasal dari perkataan KK berikut.

سَلَبَ - يَسْلُبُ - سَلْبًا

Maksud asalnya ialah mencabut sesuatu secara paksa ( Ibra:hi:m Muṣṭafa: dan rakan-rakan, 1972:1/440) atau menyambar akan sesuatu (Al-Marbawi:,1350H:1/296). Ibn Manzu:r (1994:1/473) dalam kamusnya Lisa:n al-‘Arab menyatakan bahawa uslu:b ialah,

كُلُّ طَرِيقٍ مُمْتَدٍّ فَهُوَ أُسْلُوبٌ، وَالْأُسْلُوبُ الطَّرِيقُ، وَالْوَجْهُ وَالْمَذْهَبُ، وَيُقَالُ أَنْتُمْ فِي أُسْلُوبٍ سَوْءٍ.

*Maksudnya : Setiap jalan yang panjang adalah uslu:b, uslu:b ialah jalan/cara, wajah dan mazhab. Contohnya : Kamu di jalan yang buruk/salah/jahat.*

Berdasarkan pernyataan di atas dapat dikatakan bahawa maksud perkataan uslu:b yang dinyatakan oleh Ibn Manzu:r bersesuaian dengan penggunaannya dalam ilmu sintaksis. Ia bermaksud jalan atau cara sesuatu bahasa dilontarkan. Dengan kata lain iaitu cara suatu gaya bahasa disampaikan. Maksud ini disokong oleh al-Marbawi: (1350H:1/296) apabila beliau menyatakan bahawa uslu:b adalah cara, kaedah, jalan dan ibarat.

Buku Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab (2002:19) yang diterbitkan oleh DBP telah menterjemahkan istilah uslu:b sebagai laras bahasa. Istilah laras bahasa bermaksud cara mengucapkan kata-kata atau meluahkan sesuatu perasaan. Istilah ini mempunyai

kesamaan maksud dengan istilah gaya bahasa. Oleh itu istilah Uslu:b al-Madh Wa al-Dhamm boleh diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai Laras Bahasa atau Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.

Perkataan al-madh bermaksud pujian. Perkataan pujian dalam bahasa Melayu berasal dari kata akar puji. Puji bermaksud pernyataan penghargaan kepada kebaikan (kelebihan dll). Contohnya segala puji bagi Allah, tuhan seru sekalian alam (Kamus Dewan, 2002:1064). Perkataan puji atau pujian tidak ada sinonimnya dalam bahasa Melayu. Bahkan penulis tidak menjumpai perkataan lain yang sama maksudnya dengan pujian. Malahan Kamus Dewan hanya menghurai pujian sebagai pernyataan memuji iaitu memuji kebaikan atau kelebihan.

Perkataan al-madh pula merupakan kata terbitan yang berasal dari perkataan akar berikut.

مَدَحٌ - يَمْدَحُ - مَدْحًا

Al-Marbawi: (1350H/1:247) telah menterjemahkan perkataan di atas sebagai memuji akan sesuatu, puji dan kepujian. Menurut Ibra:hi:m Muşţafa: dan rakan-rakan (1972:2/857) perkataan al-madh bermaksud,

أَثْنَى عَلَيْهِ بِمَا لَهُ مِنَ الصِّفَاتِ

*Maksudnya : Memuji seseorang/sesuatu tentang sifatnya.*

Selain perkataan al-madh, terdapat beberapa perkataan lain dalam bahasa Arab yang membawa maksud yang sama. Antaranya ialah,

الثَّنَاءُ - الْحَسَنُ - الْإِسْتِحْسَانُ

Kebanyakan ahli sarjana bahasa Arab menggunakan istilah al-madh apabila membicarakan tentang Gaya Bahasa Pujian dalam ilmu sintaksis bahasa Arab. Bahkan semua buku sintaksis bahasa Arab menggunakan istilah ini apabila merujuk kepada Gaya Bahasa Pujian.

Al-Marbawi: (1350H:1/219) telah menterjemahkan perkataan al-dhamm dengan maksud mencela, mengeji, cela, keji dan kejian. Penulis akan menggunakan perkataan celaan sebagai merujuk kepada al-dhamm dalam penyelidikan ini. Dalam bahasa Melayu, perkataan celaan sinonim dengan perkataan kejian, kutukan, kritikan, kecaman dan cacian (Kamus Dewan, 2002:202). Perkataan al-dhamm adalah kata terbitan yang berasal dari perkataan akar berikut.

ذَمٌّ - يَذُمُّ - ذَمًّا

Menurut Ibn Manẓūr (1991:12/220) perkataan al-dhamm bermaksud,

اللَّوْمُ فِي الْإِسَاءَةِ

*Maksudnya : Cacian terhadap suatu keburukan/kejahatan.*

Terdapat beberapa perkataan-perkataan lain dalam bahasa Arab yang sinonim dengan perkataan al-dhamm. Antara perkataan-perkataan tersebut ialah,

الهِجَاءُ - الْإِسْتِقْبَاحُ - الْإِهْأَةُ - اللَّوْمُ - الْإِسَاءَةُ - الْإِئْتِفَادُ

Sepertimana perkataan al-madh, perkataan al-dhamm juga telah dipilih sebagai istilah rasmi dalam ilmu sintaksis apabila merujuk kepada istilah Gaya Bahasa Celaan. Ia juga digunakan secara meluas dalam semua buku sintaksis bahasa Arab sama ada buku-buku baru atau lama.

## 2.2 Jenis-Jenis Pujian Dan Celaan

‘Abba:s Hasan dalam bukunya al-Nahw al-Wa:fi: (1976:3/367) menyatakan bahawa bahasa pujian dan celaan terbahagi dua jenis, iaitu,

- 1) Jenis terang atau jenis tersurat (صَرِيحٌ).
- 2) Jenis yang memerlukan petunjuk atau jenis tersirat (الَّتِي تَحْتَاجُ إِلَى الْقَرِينَةِ).

Perlu dinyatakan di sini bahawa penulis akan menggunakan istilah (صَرِيحٌ) sebagai jenis tersurat manakala istilah (الَّتِي تَحْتَاجُ إِلَى الْقَرِينَةِ) sebagai jenis tersirat kerana kedua-dua istilah ini lebih mudah difahami oleh pembaca.

Berdasarkan pembahagian di atas, jelas sekali bahawa sesuatu pujian dan celaan boleh disampaikan dengan cara tersurat iaitu maksud pujian disampaikan secara terus atau secara langsung dalam ayat. Maksud pujian atau celaan dapat difahami secara langsung kerana frasa-frasa pujian dan celaan digunakan secara langsung dalam struktur ayat. Kajian Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan tersurat ini termasuk dalam bidang sintaksis yang dijalankan oleh penulis.

Selain itu pujian dan celaan juga boleh disampaikan secara tersirat iaitu maksudnya disampaikan secara tidak langsung kerana frasa-frasa pujian dan celaan tidak dinyatakan secara langsung di dalam ayat tetapi maksudnya disampaikan secara berlapis atau berselindung dengan menggunakan frasa-frasa gaya bahasa lain. Di sebalik frasa-frasa tersebut terdapat maksud pujian atau celaan. Kajian Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan tersirat ini termasuk dalam bidang semantik dan retorik.

### 2.3 Bahasa Pujian Dan Celaan Jenis Tersurat

Pujian dan celaan jenis tersurat ialah pujian dan celaan terhadap sesuatu yang disampaikan secara jelas, berterus terang atau secara langsung dalam ayat. Pujian dan celaan jenis ini dapat dikenalpasti melalui frasa-frasa pujian dan celaan yang secara jelas terdapat dalam ayat. Contohnya,

أَمْدَحُ فِي الرَّجُلِ تَجَلُّدَهُ وَحُسْنَ بَلَاءِهِ وَأَذُمُّ فِيهِ يَأْسَهُ وَفُتُورَ عَزِيمَتِهِ

*Maksudnya : Aku memuji seseorang lelaki itu (kerana) kesabaran dan keelokannya (menghadapi) ujian dan aku mencelanya kerana (dia cepat) berputus asa dan hilang keazamannya.*

Di dalam ayat di atas jelas sekali bahawa si penutur menggunakan frasa pujian dan celaan di dalam ayat tersebut. Perkataan (أَمْدَحُ) membawa maksud aku memuji manakala perkataan (أَذُمُّ) bermaksud aku mencela. Oleh yang demikian, pujian dan celaan ini dapat dikenalpasti secara tersurat dalam ayat tersebut. Contoh yang lain ialah sepertimana kata-kata penyair,

أَتْنِي عَلَيْكَ بِمَا أَحْسَنْتَ وَأَهْجُو مَنْ قَبَضَ يَدَهُ مِنَ الْإِحْسَانِ

*Maksudnya : Aku memuji kamu kerana kamu melakukan kebaikan dan aku mencela sesiapa yang menggenggam tangannya daripada melakukan kebaikan.*

Di dalam bait syair di atas juga telah dinyatakan dengan jelas perkataan pujian iaitu aku memuji (أَتْنِي) dan perkataan celaan iaitu aku mencela (أَهْجُو). Contoh-contoh ini telah dikategorikan sebagai bahasa pujian dan celaan yang tersurat.

Menurut ‘Abba:s Hasan (1976:3/367), kata-kata sifat juga boleh digunakan untuk tujuan memuji dan mencela. Perkataan-perkataan yang melambangkan sifat terpuji seperti ketinggian, kemulian, darjat, kecantikan dan keelokan dikategorikan sebagai kata-kata pujian tersurat. Begitu juga perkataan-perkataan yang melambangkan sifat jelik, hodoh, jahat, hina dan keji juga dikategorikan sebagai kata-kata celaan tersurat. Contoh pujian jenis ini adalah seperti berikut.

رَأَيْتُ الْمَرْأَةَ الْجَمِيلَةَ مَحْجُوبَةً وَرَاءَ الْحَرِيرِ

*Maksudnya : Aku melihat wanita **jelita** terlindung di sebalik kain sutera.*

Ungkapan di atas dilafazkan dengan tujuan memuji wanita tersebut. Perkataan jelita dilafazkan dengan tujuan untuk memuji. Bahkan kejelitaan wanita tersebut diserikan lagi dengan pakaiannya yang mahal dan cantik yang diperbuat daripada sutera. Contoh kata-kata lain yang boleh digunakan untuk memuji ialah,

- الْعَظِيمُ \ maksudnya yang agung.
- الْفَاضِلُ maksudnya yang mulia.
- الْمَاجِدُ maksudnya yang mulia.
- الْمَحْبُوبُ maksudnya yang dikasihi.

Contoh kata-kata sifat yang digunakan untuk mencela ialah sepertimana ungkapan berikut.

الرَّجُلَ الْأَحْمَقُ عَلَى الْحِمَارِ الْمُدْرَبِ

*Maksudnya : Lelaki yang **bodoh** (itu) berada di atas keldai yang terlatih.*

Ungkapan di atas menerangkan tentang seorang lelaki yang disifatkan sebagai bodoh. Si penutur telah memberikan sifat bodoh kepada lelaki tersebut dan sifat terlatih kepada keldai. Seolah-olah si penutur ingin membandingkan dua sifat tersebut dan menyatakan bahawa sifat keldai adalah lebih baik dari sifat lelaki tersebut. Sifat bodoh yang



diberikan kepada lelaki tersebut adalah sebagai satu bentuk celaan. Celaan ini disampaikan secara terus terang dalam ungkapan. Ini dinamakan celaan tersurat. Selain sifat bodoh terdapat sifat-sifat lain yang boleh digunakan untuk mencela. Contohnya,

- البَخِيلُ maksudnya yang kikir.
- الحُقُودُ maksudnya yang busuk hati.
- الخَائِنُ maksudnya yang mengkhianat.
- السَّيِّئُ maksudnya yang buruk.
- الجَهُولُ maksudnya yang jahil.
- القَبِيحُ maksudnya yang hodoh.

#### **2.4 Pujian Dan Celaan Yang Memerlukan Petunjuk Atau Jenis Tersirat**

Penulis telah menerangkan secara ringkas di dalam subtopik 2.2 bahawa maksud pujian dan celaan juga boleh disampaikan secara tersirat. Iaitu maksud pujian dan celaan disampaikan dengan cara menggunakan perkataan-perkataan atau gaya bahasa-gaya bahasa tertentu tetapi mengandungi maksud pujian dan celaan yang tersembunyi di sebaliknya. Maksud yang tersembunyi itu disebut sebagai maksud tersirat. Ia dapat dikenalpasti melalui petunjuk-petunjuk tertentu seperti situasi, konteks, intonasi suara dan sebagainya. Petunjuk-petunjuk ini amat penting untuk memahami maksud pujian dan celaan tersebut.

‘Abba:s Hasan (1976:3/376) telah menyenaraikan beberapa jenis gaya bahasa yang boleh digunakan untuk menyampaikan maksud pujian dan celaan secara tersirat. Antara gaya bahasa-gaya bahasa tersebut ialah,

- Gaya Bahasa Penafian (أُسْلُوبُ التَّنْفِي)
- Gaya Bahasa Pertanyaan (أُسْلُوبُ الإِسْتِفْهَام)
- Gaya Bahasa Takjub (الأُسْلُوبُ التَّعْجُبِ)
- Gaya Bahasa Pilihan (أُسْلُوبُ التَّفْضِيلِ).

Di dalam al-Quran sendiri terdapat banyak contoh ayat yang mengandung maksud pujian dan celaan secara tersirat ini. Ayat-ayat ini telah diurai dengan panjang lebar oleh ahli-ahli tafsir al-Quran. Contoh ayat pujian tersirat ialah Gaya Bahasa Penafian Dan Pengecualian yang dilafazkan oleh wanita-wanita Mesir setelah melihat ketampanan wajah Nabi Allah Yusuf as. Kisah ini telah dinyatakan oleh Allah swt di dalam surah Yu:suf ayat 31.

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكِنًا وَآتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ اخْرُجْ عَلَيْهِنَّ فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ﴿٣١﴾

*Maksudnya : “Maka apabila ia (Zulaikha) mendengar cacian mereka, dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu jamuan untuk mereka, serta memberi kepada tiap seorang di antara mereka sebilah pisau, dan pada ketika itu berkatalah ia (kepada Yusuf): "Keluarlah di hadapan mereka", maka ketika mereka melihatnya, mereka tercengang melihat kecantikan parasnya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: "Jauhnya Allah dari kekurangan! ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia”.*

Wanita-wanita tersebut sangat teruja dan kagum setelah melihat ketampanan wajah Nabi Allah Yusuf as itu. Lalu mereka berkata “Jauhnya Allah dari kekurangan! ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia”. Berdasarkan petunjuk-petunjuk dari kisah ini terdapat maksud pujian tersirat di sebalik ayat ini. Antara petunjuk-petunjuk tersebut ialah mereka mengandaikan Nabi Yusuf as bukan manusia tetapi seperti malaikat, memberikannya sifat yang mulia, serta dilafazkan dalam situasi terkejut dan kagum dengan ketampanannya. Semua petunjuk ini menunjukkan bahawa mereka memuji ketampanan wajah Nabi Allah Yusuf as.

Penyair al-Mutanabbiyy merupakan seorang penyair yang amat masyhur dengan bait-bait syairnya yang indah. Kemasyhurannya merentasi empayar Islam yang sangat luas. Beliau pernah bermadah menggunakan Gaya Bahasa Takjub. Di sebalik gaya bahasa tersebut beliau memuji dirinya sendiri (‘Abba:s Hasan, 1976:3/376-378). Katanya,

مَا أَبْعَدَ الْعَيْبُ وَالنَّقْصَانَ مِنْ شَرَفِي!

*Maksudnya : Betapa sungguh jauh keaiban dan kekurangan dari kemuliaanku.*

Dalam ungkapan di atas al-Mutanabbiyy secara jelas memuji dirinya sendiri secara tidak langsung apabila beliau dengan bangganya menyatakan bahawa kemuliaan yang dimiliki olehnya tidak akan dihingapi oleh sebarang keaiban dan kekurangan. Jelas sekali di sini, beliau menggunakan Gaya Bahasa Takjub dalam kata-katanya itu dengan tujuan tersirat iaitu memuji dirinya sendiri. Pujian tersebut terkandung pada makna yang tersirat pada ungkapannya itu.

Perlu dinyatakan di sini bahawa perbahasan tentang gaya bahasa pujian dan celaan jenis tersirat bukanlah fokus utama disertasi ini. Ini kerana ia termasuk dalam kajian semantik atau retorik, sedangkan bidang kajian disertasi ini merupakan kajian sintaksis.

## **2.5 Perbahasan Tentang Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan Dalam Ilmu Sintaksis Bahasa Arab**

Perbahasan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dalam buku-buku sintaksis bahasa Arab adalah berkisarkan kepada KK-KK pujian dan celaan berikut.

- 1) (بِئْسَ) dan (نَعْمَ)
- 2) (مَا حَبَّذَا) dan (حَبَّذَا)
- 3) (سَاءَ) dan (حَسُنَ)

Pendekatan yang diambil oleh disertasi ini agak berbeza dengan cara pembahagian di atas. Penulis akan menghurai KK-KK di atas kepada pembahagian seperti berikut.

- 1) KK pujian ni'ma dan KK celaan bi'sa.
- 2) KK pujian dan celaan dalam pola KK thula:thiyy.

Penulis melihat KK (حَبَّذَا) dan (مَا حَبَّذَا) serta (حَسُنَ) dan (سَاءَ) serupa dari segi kaedah dan syarat-syaratnya. Oleh itu penulis menggabungkannya dalam bab dan topik yang sama. Di dalam bab ini penulis akan menghurai terlebih dahulu teori-teori dan pandangan para sarjana berkenaan struktur bahasa pujian dan celaan dalam bahasa Arab. Manakala dalam bab-bab yang seterusnya penulis akan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi frasa-frasa pujian dan celaan tersebut.

## 2.6 Teori Dan Pandangan Para Sarjana Arab Tentang Ni'ma Dan Bi'sa

Perkataan ni'ma terdiri daripada gabungan tiga huruf Hija:'iyyat, iaitu huruf pertama ialah nu:n berbaris 'bawah' (ن), huruf kedua 'ayn berbaris 'jazam' (ع) dan huruf ketiga mi:m berbaris 'atas' (م). Begitu juga perkataan bi'sa di mana ia juga terdiri daripada gabungan tiga huruf Hija:'iyyat, iaitu huruf pertama ialah ba:' berbaris 'bawah' (ب), huruf kedua hamzat berbaris 'jazam' (ء) dan huruf ketiga si:n berbaris 'atas' (س). Pola sebutan ni'ma dan bi'sa merupakan pola yang paling kerap digunakan dalam bahasa Arab.

Secara teorinya kedua-dua KK pujian dan celaan ini boleh dibaca dengan 3 pola sebutan lain. Setiap pola sebutan tersebut mengandungi makna dan status tertentu. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa setiap perubahan bunyi dan fleksi pada perkataan tersebut membawa kepada perubahan makna dan statusnya. Berikut adalah huraian bagi semua pola tersebut.

### 1) Pola Fa'ila (فَعِيل) – (نَعِيم) dan (بَيْس)

Iaitu huruf pertama dibaca dengan dengan baris 'atas' manakala huruf kedua pula dibaca dengan baris 'bawah'. Bunyinya ialah na'ima dan ba'isa. Menurut al-Jurja:niyy (1990:63) dan Raḍiyyuddi:n (1998:4/238), pola fa'ila adalah bentuk dan bunyi asal bagi KK ini ('Uḍaymat, 1972:10/343). Walaubagaimanapun, kedua-dua KK dalam pola ini bukanlah KK yang mengandungi makna pujian dan celaan. Tetapi ia adalah KK kala lampau biasa yang boleh diderivasikan menjadi KK kala kini, KK suruhan, KN

terbitan, KN pelaku dan sebagainya. Berikut adalah contoh bagaimana KK ini yang telah diderivasikan ke dalam pola KK kala kini dan KK pelaku.

نَعِمَ زَيْدٌ، يَنْعَمُ بِهِ، فَهُوَ نَاعِمٌ  
بَيْسَ يَيْئَسُ فَهُوَ بَائِسٌ

2) Pola Fi'la (فِعْل) – (نَعْم) dan (بَيْس)

Cara sebutan ini telah diterangkan pada awal subtopik ini (2.6). Kedua-duanya merupakan KK kala lampau jami:d yang mengandung maksud pujian dan celaan. Ia juga merupakan fokus utama disertasi ini. Contohnya,

نَعِمَ الصَّدِيقُ الْكِتَابُ

Maksudnya: *Sebaik-baik* kawan ialah buku.

بَيْسَ الصَّدِيقُ الشَّيْطَانُ

Maksudnya: *Seburuk-buruk* kawan ialah syaitan.

Walaupun Al-Şabba:n (1997:3/38) pernah menyatakan bahawa perkataan ni'ma dan bi'sa juga boleh menjadi sama ada KK kala lampau biasa dan KK jami:d. Jika ia adalah KK kala lampau biasa maka ia tidak mengandung makna pujian atau celaan.

Bentuk pola KK ini juga merupakan yang paling masyhur dan paling kerap digunakan di kalangan bangsa Arab. Bahkan di dalam al-Quran sendiri terdapat 18 lafaz ni'ma dan 40 lafaz bi'sa disebut di dalam ayat-ayatnya.

### 3) Pola Fa‘la (فَعْلًا) – (نَعْمَ) dan (بَأْسَ)

Iaitu huruf pertama dibaca dengan baris ‘atas’ dan huruf kedua dibaca dengan baris ‘jazam’. Bunyinya ialah na‘ma dan ba’sa. Tiada ayat al-Quran dalam Muṣḥaf ‘Uthma:niyy yang menggunakan cara bacaan jenis ini. Walaubagaimanapun, terdapat satu ayat yang mengikut bacaan Yahya bin Wathab yang menggunakan pola ini dalam salah satu bacaannya iaitu firman Allah swt dalam surah al-Ra‘d ayat 24.

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

Walaubagaimanapun, bacaan ini bukanlah bacaan yang masyhur kerana ia dianggap sebagai sha:dh (Raḍiyyuddi:n,1998:4/239).

### 4) Pola Fi‘ila (فِعْلًا) – (نِعْمَ) dan (بِئْسَ)

Iaitu huruf pertama dan kedua dibaca dengan baris ‘bawah’. Bunyinya ialah ni‘ima dan bi’isa. Terdapat dua ayat al-Quran yang menggunakan pola ini di mana kedua-duanya menggunakan perkataan ni‘ima. Kedua-dua ayat tersebut ialah sepertimana iaitu firman Allah swt dalam surah al-Baqaraṭ ayat 271.

إِنْ تَبَدُّوا لَأَصْدَقْتِ فَنِعْمًا هِيَ ..... ﴿٢٧١﴾

Firman Allah swt dalam surah al-Nisa:’ ayat 58.

إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Kedua-dua ayat di atas menggunakan pola fi‘ila berdasarkan bacaan Abu ‘Amru:, Warsh daripada Na:fi‘ dan Ḥafṣ daripada ‘A:ṣim (‘Umar, 1978:4/239). Tetapi mengikut bacaan Ḥamzat, ‘A:mir, Khalaf, al-A‘mash dan al-Kisa:’iyy, mereka membacanya dengan bunyi na‘ima iaitu huruf pertama berbaris ‘atas’ dan huruf kedua berbaris ‘bawah’ (Sila rujuk nota kaki Raḍiyyuddi:n,1998:4/239). Menurut ‘Uḍaymaṭ

(1972:10/343) bacaan cara ini iaitu huruf pertama dan kedua dibaca dengan baris 'bawah' adalah bacaan sha:dh.

Perlu dijelaskan di sini bahawa secara teorinya perkataan bi'sa boleh dibaca dengan empat pola di atas sepertiman perkataan ni'ma. Walaubagaimanapun, contoh-contoh bi'sa dalam semua jenis pola tidak dapat diketengahkan kerana ia jarang digunakan dan sukar didapati. Penulis hanya menjumpai bi'sa dalam pola yang ke dua sahaja dan tidak menjumpai mana-mana ayat al-Quran, ungkapan Arab atau bait syair yang menggunakan pola pertama, ke tiga dan ke empat. Bahkan semua ayat bi'sa dalam al-Quran hadir dengan bunyi dalam pola kedua sahaja iaitu pola fi'la. Bahkan penulis juga tidak menjumpai sebarang dalil yang menunjukkan ia dibaca dengan tiga pola yang lainnya.

## **2.7 Maksud Ni'ma Dan Bi'sa Dalam Terjemahan Al-Quran**

Terdapat beberapa perkataan telah digunakan dalam proses penterjemahan dan pentafsiran perkataan ni'ma dan bi'sa yang terdapat dalam ayat-ayat suci al-Quran. Semua terjemahan tersebut digunakan bersesuaian dengan laras bahasa dan maksud pujian dan celaan dalam ayat-ayat tersebut. Bahkan semuanya mempunyai maksud yang sama. Apa yang membezakan terjemahan-terjemahan tersebut hanyalah aras pujian dan celaan tersebut sahaja. Berikut adalah terjemahan-terjemahan bagi perkataan ni'ma dan bi'sa yang digunakan dalam buku-buku terjemahan al-Quran.



Terjemahan yang paling kerap digunakan bagi perkataan ni'ma dalam al-Quran terjemahan ialah '**sebaik-baiknya**'. Contohnya firman Allah swt di dalam surah A:li 'Imra:n ayat 173.

وَقَالُوا الَّذِينَ حَسَبْنَا اللَّهَ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

*Maksudnya: “(Mereka) menjawab : Allah cukup menjadi penolong kami dan pelindung yang **sebaik-baiknya**” (Hamidy dan rakan,1991: 99).*

Selain itu ia juga diterjemahkan sebagai '**amatlah baiknya**'. Contohnya firman Allah swt dalam surah al-Ra'd ayat 24.

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

*Maksudnya: “Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka **amatlah baiknya** balasan amal kamu di dunia dahulu” (Tafsir Pimpinan Al-Rahman,2000:427).*

Selain itu, ia juga diterjemahkan dengan makna '**baik**'. Contohnya firman Allah swt dalam surah al-Baqarat ayat 271.

إِنْ تَبَدُّوا الصَّدَقَاتِ فَبِعِمَّا هِيَ ۗ ﴿٢٧١﴾

*Maksudnya: “Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah **baik** (kerana menjadi contoh yang baik)” (Tafsir Pimpinan Al-Rahman, 2000:87).*

Para penterjemah dan pentafsir ayat-ayat suci al-Quran telah menggunakan pelbagai perkataan untuk menterjemah atau mentafsir perkataan bi'sa. Semua perkataan yang

dipilih mempunyai maksud yang sama bersesuaian dengan kontek ayat. Berikut adalah terjemahan-terjemahan yang digunakan untuk menerangkan maksud bi'sa.

Terjemahan yang biasa digunakan bagi bi'sa ialah '**seburuk-buruk**'. Contohnya firman Allah swt dalam surah al-Baqaraḥ ayat 126.

وَإِذْ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمْتِعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَيُئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: "Allah berfirman: (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) **seburuk-buruk** tempat kembali" (<http://www.iiu.edu.my/deed/quran/malay>).

Selain itu, perkataan bi'sa juga telah diterjemahkan kepada makna '**amatlah buruknya**'. Contohnya firman Allah swt dalam surah al-Ra'd ayat 18.

أُولَٰئِكَ هُمْ سُوءُ الْحِسَابِ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَيُئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "..... mereka itu disediakan baginya hitungan hisab yang seburuk-buruknya, serta tempat kembali mereka ialah neraka Jahannam dan **amatlah buruknya** tempat tinggal itu" (<http://www.iiu.edu.my/deed/quran/malay>).

Kadang-kadang ia diterjemahkan dengan makna '**sejahat-jahat**'. Contohnya firman Allah swt dalam surah al-Zukhruf ayat 38.

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَنَا قَالَ يَلَيْتَ بَيْنِي وَبَيْنَكَ بُعْدَ الْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ الْقَرِينُ ﴿٣٨﴾

*Maksudnya: “Sehingga apabila ia (yang terjerumus dalam kesesatan itu) datang kepada Kami (pada hari kiamat), berkatalah ia (kepada syaitannya): "Alangkah baiknya (kalau di dunia dahulu ada sekatan yang memisahkan) antaraku denganmu sejauh timur dengan barat, kerana (engkau) adalah **sejahat-jahat** teman”* (<http://www.iiu.edu.my/deed/quran/malay>).

Dalam ayat tertentu ia diterjemahkan dengan makna ‘**buruk sungguh**’. Contohnya firman Allah swt dalam surah al-Jumu‘at ayat 5.

بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

*Maksudnya: “**Buruk sungguh** bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim”* (<http://www.iiu.edu.my/deed/quran/malay>).

Sepanjang penulisan disertasi ini, penulis akan menggunakan terjemahan-terjemahan yang dipetik dari buku-buku terjemahan al-Quran seperti Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Rahman (2000) dan Tafsir Al-Quran karangan H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin HS (1992). Selain itu penulis juga akan menggunakan kemudahan internet dengan merujuk beberapa laman web yang menyediakan terjemahan ayat-ayat suci al-Quran seperti laman web <http://www.iiu.edu.my/deed/quran/malay> dan <http://www.alquran-melayu.com/>.

## **2.8 Pandangan Sarjana Bahasa Arab Tentang Status Ni'ma Dan Bi'sa**

Apabila membicarakan sesuatu isu sintaksis bahasa Arab, maka pandangan Doktrin Basrah dan Kufah perlu diambilkira dan diberi perhatian. Ini kerana kedua-dua Doktrin tersebut memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan ilmu bahasa dan linguistik bahasa Arab. Sepanjang sejarah perkembangan bahasa dan linguistik Arab, kedua-dua doktrin ini memainkan peranan yang amat aktif sehingga menyumbang kepada perkembangan pesat ilmu bahasa dan linguistik Arab di era perkembangan ilmu dan teknologi empayar Islam. Sehingga ke hari ini pandangan kedua-dua doktrin ini terus dikaji dan dibahaskan oleh para penyelidik.

Realitinya, kedua-dua doktrin tersebut sering berselisih pendapat dalam banyak isu. Perselisihan kedua-dua doktrin ini sering membawa kepada perdebatan yang panjang. Kesan dari perselisihan dan perdebatan ini telah menyebabkan buku-buku sintaksis bahasa Arab telah dikarang dengan banyaknya oleh pengikut kedua-dua doktrin tersebut untuk menegakkan hujah masing-masing. Hasilnya, ilmu bahasa dan linguistik Arab ini berkembang dengan pesat hingga mendahului ilmu-limu lain sepanjang sejarah dan tamadun bangsa Arab.

Hakikatnya, hampir semua pandangan teori Doktrin Basrah dan Kufah dalam bidang bahasa dan linguistik amat kontras antara satu sama lain. Bahkan mereka juga tidak berkompromi dan berbeza pendapat dalam membicarakan isu berkaitan Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan khususnya topik-topik berkaitan ni'ma dan bi'sa. Menurut Ibn Hisha:m (1997:1/437) perselisihan pendapat antara kedua-dua doktrin ini berkaitan isu

ni'ma dan bi'sa adalah menjurus kepada status kedua-dua perkataan tersebut sama ada ia adalah KK atau KN. Berikut adalah hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua doktrin ini bagi mengukuhkan hujah masing-masing.

### **2.8.1 Hujah Doktrin Basrah**

Menurut al-Anba:riyy (1961:1/97), pengikut-pengikut Doktrin Basrah berpegang teguh kepada pendapat yang menyatakan bahawa kedua-dua perkataan ni'ma dan bi'sa adalah KK kala lampau ja:mid yang tidak boleh diderivasikan dan bukan jenis KN. Doktrin Basrah lebih senang mengi'ra:b ayat ni'ma dan bi'sa sebagai khabar muqaddam. Sarjana bahasa Arab Kufah yang terkenal iaitu al-Kisa:'iyy (Ibn Hisha:m,1997:1/437) menyokong pandangan Doktrin Basrah yang berpegang kepada pendapat yang mengatakan bahawa ni'ma dan bi'sa adalah KK. Walaupun beliau adalah antara pemimpin utama Doktrin Kufah, tetapi dalam membicarakan tentang status ni'ma dan bi'sa beliau lebih cenderung dengan pandangan ini. Terdapat dua hujah dan dua dalil dikemukakan oleh mereka untuk menyokong pandangan yang mengatakan bahawa ni'ma dan bi'sa adalah KK. Berikut adalah hujah-hujah dan bukti-bukti yang telah mereka kemukakan.

#### **Hujah 1: Kedua-Dua Perkataan Ini Boleh Bersambung Dengan Ta:' Feminin**

Ta:' feminin merupakan salah satu ciri istimewa yang dikhususkan untuk KK. Ia hanya boleh bersambung dengan KK kala lampau sahaja. Perkataan ni'ma dan bi'sa juga boleh bersambung dengan ta:' feminin. Berikut adalah contohnya.

نَعَمَتُ الْمَرْأَةِ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

Maksudnya: **Sebaik-baik** wanita ialah wanita solehah.

وَبُسَّتِ الْجَارِيَةُ الْمَرْأَةَ السَّيِّئَةَ

Maksudnya: **Seburuk-buruk** hamba wanita ialah wanita yang jahat.

Terdapat satu hadis Nabi Muhammad saw yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi:y (1994:2/36) berkenaan tajuk wuduk di mana baginda saw menggunakan ta:' feminin pada perkataan ni'ma dalam hadis tersebut. Hadis tersebut diriwayatkan sepertimana berikut.

مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهَا وَنَعِمَتْ وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ

Maksudnya: “Sesiapa yang berwuduk pada hari Jumaat maka ia adalah **sebaik-baik** baginya dan sesiapa yang mandi maka mandi adalah lebih **baik**” (Hadis diriwayatkan oleh al-Tirmidhi:y yang ke 497).

## Hujah 2 : Hujah Al-Kisa:'iyy

Hujah kedua ini dikemukakan oleh al-Kisa:'iyy apabila beliau menyatakan bahawa kedua-dua perkataan tersebut boleh bersambung dengan KGND nominatif yang menonjol (بِضْمَائِرِ الرَّفْعِ الْبَارِزَةِ) yang mewakili KGND duaan dan jamak. Antara ciri-ciri lain bagi KK Kala Lampau ialah ia boleh bersambung dengan KGND nomitif duaan dan jamak. KGND nomitif hanya boleh bersambung dengan KK sahaja dan tidak boleh bersambung dengan KN atau partikel. Al-Kisa:'iyy (al-Harmiyy,2005:2/873 dan Sami:r Basyu:ni:,2004:97) mendakwa orang-orang Arab pernah bercakap menggunakan ungkapan yang mengandungi perkataan ni'ma dan bi'sa yang bersambung dengan KGND nomitif yang menonjol. Contoh ayat tersebut adalah sepertimana dua ayat berikut.

نَعْمًا رَجُلَيْنِ

Maksudnya: *Sebaik-baik* lelaki (adalah mereka berdua).

نَعْمُوا رَجَالًا

Maksudnya: *Sebaik-baik* lelaki (adalah mereka).

Hujah yang diberikan oleh al-Kisa:’iyy merupakan salah satu loghat yang digunakan oleh kabilah Arab. Tetapi kebanyakan pakar sintaksis bahasa Arab menolak hujah ini kerana ni‘ma dan bi’sa adalah KK kala lampau ja:mid yang tidak boleh diderivasi kepada bentuk lain.

### 2.8.2 Hujah Doktrin Kufah

Pendapat Doktrin Kufah berbeza dengan Doktrin Basrah. Mereka mendakwa ni‘ma dan bi’sa adalah KN dan bukan KK. Mereka mengi‘ra:b kedua-dua perkataan tersebut sebagai mubtada’ (Al-Anba:riyy,1961:1/97). Semua mubtada’ adalah KN. Walaubagaimanapun, apa dapat dilihat dengan jelas sekali di sini ialah perselisihan pendapat tentang status ni‘ma dan bi’sa ini telah membawa kepada perbezaan yang ketara pada status i‘ra:bnya.

Terdapat 5 hujah yang dikemukakan oleh Doktrin Kufah untuk menguatkan pandangan mereka bahawa ni‘ma dan bi’sa adalah KN. Mereka telah menyenaraikan beberapa kata-kata hikmah Arab dan bait-bait syair lama untuk menguatkan hujah-hujah mereka itu. Berikut adalah hujah-hujah tersebut.

### Hujah 1 : Kedua-Dua Perkataan Ini Boleh Didahului Oleh Partikel Genetif.

Partikel genetif atau dikenali juga sebagai partikel jarr merupakan di antara jenis-jenis partikel yang hanya boleh diletakkan sebelum KN dalam bahasa Arab. Partikel ini tidak boleh mendahului KK kerana ia menyalahi kaedah sintaksis bahasa Arab. Para sarjana bahasa dan linguistik Kufah seperti al-Farra:’ (Al-Sayu:ṭiyy,1998:3/17) mengatakan bahawa perkataan ni‘ma dan bi’sa boleh didahului oleh partikel genetif. Ini adalah berdasarkan beberapa contoh yang dipetik dari ungkapan-ungkapan orang Arab dan bait-bait syair yang diriwayatkan daripada penyair-penyair terdahulu. Antara contoh-contoh tersebut ialah sepertimana ungkapan orang-orang Arab yang meletakkan partikel genetif ba:’ sebelum ni‘ma, iaitu,

مَا زَيْدٌ بِنِعْمِ الرَّجُلِ

*Maksudnya: Zayd bukanlah **sebaik-baik** lelaki.*

Contoh kata-kata penyair pula ialah,

صَبَّحَكَ اللَّهُ بِخَيْرٍ بَاكِرٍ بِنِعْمِ طَيْرٍ وَشَبَابٍ فَاحِرٍ

*Maksudnya: (Semoga) Allah menjadikan buat kamu kebaikan yang cepat,  
(dan menjadikan kamu) sebagai **sebaik-baik** permata hati dan sebagai  
pemuda yang membanggakan.*

Selain itu, terdapat kata-kata perumpamaan Arab tentang seseorang pemuda yang menunggang seekor keldai bersama kekasihnya. Di dalam ungkapan tersebut terdapat partikel genetif ‘ala: yang terletak sebelum perkataan bi’sa. Ungkapan tersebut adalah seperti berikut.

نَعْمَ السَّيْرُ عَلَيَّ بِنَسِ الْعَيْرِ



*Maksudnya: (Ini adalah) sebaik-baik perjalanan di atas seburuk-buruk binatang tunggangan.*

Bukti-bukti di atas telah menguatkan lagi anggapan pengikut-pengikut Doktrin Kufah bahawa perkataan ni'ma dan bi'sa adalah KN. Ini kerana berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan oleh mereka, jelas sekali bahawa kedua-dua perkataan tersebut didahului oleh partikel-partikel genitif.

## **Hujah 2 : Kedua-Dua Perkataan Ini Boleh Dimasuki Partikel Seruan**

Partikel Seruan juga merupakan antara partikel-partikel yang hanya boleh diletakkan sebelum KN. Setiap seruan hanya boleh ditujukan kepada sesuatu yang boleh diseru iaitu KN sahaja. Sesuatu seruan tidak boleh ditujukan kepada KK dan partikel. Oleh itu, semua subjek yang diseru merupakan KN (Al-Anba:riyy,1961:1/99).

Beberapa dalil telah dikemukakan oleh ahli sarjana Doktrin Kufah yang menunjukkan bahawa perkataan ni'ma dan bi'sa telah dijadikan subjek seruan dalam ayat. Antara dalil tersebut ialah seperti mana kata-kata Arab berikut.

يَا نِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَيَا نِعْمَ النَّصِيرَ

*Maksudnya: Wahai! sebaik-baik penolong dan wahai sebaik-baik pemberi bantuan.*

Dalil di atas jelas menunjukkan kata seruan 'Wahai!' (Ya:) berada sebelum perkataan ni'ma. Ini dijadikan bukti oleh para sarjana Doktrin Kufah bahawa ni'ma dan bi'sa adalah KN (Al-Khawa:rizmiyy,1990:3/313).

### **Hujah 3 : Kedua-Duanya Tidak Mengandung Makna Kala**

Antara ciri-ciri penting pada KK ialah ia mengandungi makna kala sama ada kala lampau, kala kini atau kala akan datang. Sedangkan ni‘ma dan bi’sa tidak mengandungi maksud kala. Ciri ini amat menyerupai KN. Oleh itu perkara ini dijadikan hujah oleh pengikut Doktrin Kufah untuk meletakkan kedua-dua perkataan ini dalam kategori KN.

### **Hujah 4 : Kedua-Duanya Tidak Boleh Diderivasikan**

Semua KK merupakan perkataan yang boleh diderivasikan kepada pola-pola KK atau KN yang lain. Sedangkan ni‘ma dan bi’sa adalah perkataan yang bersifat ja:mid dan tidak boleh diderivasikan (Al-Anba:riyy,1961:1/104). Oleh itu mereka berpendapat perkataan ni‘ma dan bi’sa adalah sama dengan KN ja:mid.

### **Hujah 5 : Kedua-Dua Perkataan Ini Boleh Diganti Dengan KN Na‘i:m Dan Ba’i:s**

Ada sesetengah kabilah Arab menganggap perkataan ni‘ma dan bi’sa adalah sama jenis dengan KN na‘i:m (نَعِيمٌ) dan ba’i:s (بَيْتِس). Bahkan dalam banyak keadaan mereka menukarkan KN na‘i:m dan ba’i:s dengan ni‘ma dan bi’sa (Al-Anba:riyy,1961:1/104). Begitu juga sebaliknya iaitu mereka juga menukarkan ni‘ma dan bi’sa kepada na‘i:m dan ba’i:s. Contohnya,

نَعِيمُ الرَّجُلِ زَيْدٌ      ↔      نَعِمَ الرَّجُلُ زَيْدٌ

*Maksudnya: **Sebaik-baik** lelaki ialah Zayd.*

Terdapat satu ayat al-Quran yang telah diriwayatkan oleh al-Ḥasan yang mana ia menunjukkan bahawa KN ba’i:s dibacakan dengan bunyi bi’sa iaitu dalam surah al-A‘ra:f ayat 165 berikut.

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِمَ أَغْنَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوْءِ وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا  
بِعَذَابٍ بِقِسِّ مِمَّا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٧٢﴾

Ayat di atas dijadikan hujah oleh pengikut Doktrin Kufah bahawa perkataan bi'sa adalah KN seperti perkataan ba'i:s yang juga merupakan KN. Menurut Abu: Ja'far al-Nahha:s cara bacaan ini dianggap sebagai sha:dh. (Maḥmu:d Aḥmad al-Ṣaghi:r, 1999:468). Bacaan dalam Muṣḥaf 'Uthma:niyy ialah ba'i:s dan bukannya bi'sa seperti ayat di atas.

### 2.8.3 Kesimpulan

Berdasarkan hujah-hujah yang diterangkan di atas maka kita akan dapati bahawa hujah yang dibawa oleh Doktrin Kufah adalah lebih banyak berbanding hujah Doktrin Basrah. Walaupun begitu, kebanyakan ahli sarjana nahu Arab lebih cenderung dengan pandangan sarjana Doktrin Basrah. Mereka menyatakan bahawa ni'ma dan bi'sa adalah KK kala lampau ja:mid yang tidak boleh diderivasikan dan tidak mengandungi makna peristiwa dan masa. Ia bukan KN seperti dakwaan para sarjana Doktrin Kufah. Walaupun begitu kedua-dua KK tersebut sangat hampir menyerupai sifat partikel berbanding KN (Sami:r Basyu:ni:y,2004:94). Bahkan tidak keterlaluan dikatakan bahawa semua ahli sarjana bahasa Arab zaman ini berpegang kepada pendapat bahawa ni'ma dan bi'sa adalah KK. Penulis juga tidak menjumpai sebarang tulisan oleh sarjana bahasa Arab pada masa kini yang berpendapat bahawa ni'ma dan bi'sa adalah KN.

## 2.9 Struktur Ayat Ni'ma Dan Bi'sa

Setiap ayat ni'ma dan bi'sa mengandungi 3 struktur utama (al-Jurja:niyy,1990,63), iaitu,

- 1) KK ni'ma dan bi'sa.
- 2) Pelaku ni'ma dan bi'sa.
- 3) Subjek pujian dan celaan.

Terdapat perbincangan yang agak panjang bagi setiap struktur ayat di atas. Setiap struktur tersebut akan dibahaskan secara mendalam dalam bab ini sambil menjadikan beberapa dalil yang relevan sebagai bahan bukti dan analisis ringkas.

## 2.10 KK Ni'ma Dan Bi'sa

Al-Şabba:n (1997:3/38) menyatakan bahawa perkataan ni'ma dan bi'sa terbahagi kepada dua jenis iaitu,

- 1) KK kala lampau biasa yang boleh diderivasikan menjadi KK kala kini, KK suruhan, KN pelaku dan lain-lain. Dalam hal ini kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud nikmat (النِّعْمَةُ) dan putus asa (البُّؤْسُ). Kedua-dua jenis KK ini tidak mengandungi maksud pujian atau celaan. Selain itu ia jarang digunakan dalam penulisan atau percakapan.
- 2) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi makna pujian dan celaan (Na:yif Ma'ru:f dan rakan,1988:90). Kedua-dua perkataan ini tidak boleh diderivasikan dan terkeluar dari sifat asalnya kerana tidak lagi mengandungi makna peristiwa dan masa. Kedua-duanya juga tidak boleh ditambah imbuhan menjadi KK duaan

dan jamak. Walaupun begitu terdapat sedikit kelonggaran pada sisi femininnya apabila kedua-dua KK ini boleh diletak imbuhan feminin iaitu ta:’ feminin (تَاءُ) (التَّائِيَتْ) menjadikannya (نَعَمَتْ) dan (بُسَّتْ) (Fua:d Ni‘mat,t.t:182). Contohnya,

نَعَمَتْ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

*Maksudnya: **Sebaik-baik** wanita ialah wanita solehah.*

بُسَّتْ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةُ السَّيِّئَةُ

*Maksudnya: **Seburuk-buruk** wanita ialah wanita yang jahat.*

Kedua-dua perkataan ini juga amat hampir sifatnya dengan sifat partikel (Muṣṭafa Ghala:yi:niyy,1994:1/55). Malahan al-Jurja:niyy (1990:63) menganggap kedua-dua perkataan ini sebagai KK yang berfungsi seperti fungsi partikel. Selain itu, ni‘ma dan bi’sa juga bersifat tak transitif (لَا زِمٌ). Oleh itu, kedua-dua perkataan ini tidak memerlukan maf‘u:l bih dalam struktur ayatnya (Sami:r Basyu:ni:,2004:94).

## 2.11 Pelaku KK Ni‘ma Dan Bi’sa

Setiap frasa KK dalam struktur ayat bahasa Arab memerlukan pelaku. Pelaku ialah orang, objek atau sesuatu yang melaksanakan kerja tersebut. Pelaku memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan struktur ayat bahasa Arab khususnya ayat-ayat KK atau ayat yang mengandungi KK. Setiap perbuatan tidak dapat dilakukan tanpa sesuatu yang melakukannya.

Dalam penstrukturan ayat ni‘ma dan bi’sa, pelaku juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Tanpa pelaku sesuatu ayat menjadi tidak sempurna. Menurut Dr

‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:btiiyy (1992:1/298), ayat ni‘ma dan bi’sa hanya boleh dibina dalam ayat Insha:’iyyaṭ sahaja dan tidak boleh dibina dalam ayat Ṭalabiyyaṭ.

Basyu:ni (2004:1/108) pula telah membahagikan pelaku ni‘ma dan bi’sa kepada 2 iaitu,

- 1) Pelaku tersurat (الظَّاهِر).
- 2) Pelaku tersembunyi (المُضْمَر).

### **2.11.1 Pelaku Yang Tersurat.**

Pelaku yang tersurat ialah pelaku yang disebut secara nyata dalam struktur ayat ni‘ma dan bi’sa. Pelaku bagi KK ni‘ma dan bi’sa agak berbeza berbanding pelaku-pelaku KK yang lain. Pelaku ni‘ma dan bi’sa wajib diletakkan selepas kedua-dua KK ini. Bahkan tidak boleh diletakkan sebarang perkataan lain antara ni‘ma serta bi’sa dan pelakunya. Ini kerana dikhuatiri akan berlaku kekeliruaan pada maknanya. Pelaku ni‘ma dan bi’sa jenis tersurat ini mestilah terdiri daripada salah satu daripada tiga KN berikut (Al-Jurja:niyy, t.t:1/326) iaitu,

- 1) KN ma‘rifat dengan alif dan la:m.
- 2) KN muḍa:f kepada KN ma‘rifat dengan alif dan la:m.
- 3) KN relatif.

Seterusnya penulis akan memberi huraian dan keterangan bagi setiap jenis pelaku ni‘ma dan bi’sa jenis tersurat seperti yang dinyatakan di atas berserta dengan contoh-contoh yang relevan dengan tajuk perbahasan di sini.

**a) Pelaku Ni‘ma Dan Bi’sa Jenis KN Ma‘rifat Dengan Alif Dan La:m**

KN ma‘rifat dengan alif dan la:m bermaksud perkataan-perkataan KN yang terdapat alif dan la:m di awal perkataan tersebut. Contohnya,

الصَّدِيقُ، الرَّجُلُ، الْمَرْأَةُ، الْجَامِعَةُ، الْمَكْتَبَةُ

Jika KN ma‘rifat tersebut dari jenis KN khas yang tiada alif dan la:m di awal perkataan maka ia tidak boleh dijadikan pelaku bagi kedua-dua KK ini. Contohnya,

مُحَمَّدٌ، فَاطِمَةٌ، مَالِيزِيَا، كُوْلَا لَمْبُورُ

**b) Pelaku Ni‘ma Dan Bi’sa Jenis KN Muḍa:f Yang Diida:fatkan Kepada KN Ma‘rifat Dengan Alif Dan La:m**

Muḍa:f ialah satu perkataan KN yang diida:fatkan atau disandarkan kepada KN yang lain yang terletak selepasnya. KN selepasnya itu digelar sebagai muḍa:f ilayh. Muḍa:f ilayh boleh terdiri dari KN nakirat atau ma‘rifat. Tetapi hanya KN ma‘rifat sahaja yang boleh menjadi pelaku ni‘ma dan bi’sa dan perkataan tersebut mestilah dari jenis KN ma‘rifat yang mengandungi huruf alif dan la:m di awal perkataan. Contoh pelaku dari jenis ini ialah,

بِسِّ رَفِيقُ الطَّالِبِ الْكَسْلَانُ

*Maksudnya: Seburuk-buruk teman kepada pelajar ialah orang malas.*

Perkataan (رَفِيقُ) adalah muḍa:f manakala (الطَّالِبِ) adalah muḍa:f ilayh. Perkataan muḍa:f ilayh mengandungi alif dan la:m di awal perkataan tersebut. Rangkaikata ini digelar sebagai muḍa:f Kepada KN ma‘rifat dengan alif dan la:m.

Jika muḍa:f ilayh terdiri daripada KN ma‘rifat khas maka ia juga tidak layak menjadi pelaku ni‘ma dan bi’sa. Contohnya,

بَيْتُ زَيْدٍ، وَوَلَايَةُ قَدْحٍ، بِلَادُ مَالِيزِيَا، سَيَّارَةُ أَمْرِيكََا،

Begitu juga jika muḍa:f ilayh terdiri daripada KN nakirat, maka ia juga tidak layak menjadi pelaku ni‘ma dan bi’sa. Contohnya,

مَوَادُّ عُلُومٍ، طُلَّابُ مَدْرَسَةٍ، قَبِيلَةُ عَرَبٍ

Walaupun al-Farra:’ mempunyai pandangan yang agak kontras dan kontroversi dalam isu ini. Beliau secara nyata membenarkan pelaku bagi kedua-dua KK tersebut terdiri daripada muḍa:f ilayh nakirat (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/114). Kebanyakan ahli sarjana bahasa Arab menolak pendapat ini. Ayat sebegini tidak terdapat dalam al-Quran.

### c) **Pelaku *Ni‘ma* Dan *Bi’sa* Jenis KN Relatif**

KN relatif disebut juga sebagai ism al-mawṣu:l dalam bahasa Arab. Ia merupakan sejenis KN ma‘rifat. Bahkan ia juga boleh dijadikan pelaku kepada ni‘ma dan bi’sa. Contoh KN relatif ialah,

مَا - مَنْ - الَّذِي - الَّذِينَ - الَّتِي - اللَّاتِي

Apabila KN relatif berada selepas KK ni‘ma dan bi’sa maka ahli-ahli sarjana sintaksis bahasa Arab hampir sependapat mengatakan bahawa ia perlu dii‘ra:b sebagai pelaku. Walaupun, wujud jurang perselisihan yang luas di kalangan para sarjana sintaksis bahasa Arab tersebut berkaitan dengan status ma: yang terletak selepas ni‘ma



dan bi'sa. Ini kerana perkataan ma: boleh boleh ditafsir dengan beberapa status, iaitu sama ada sebagai,

- 1) KN relatif.
- 2) KN ma'rifat sempurna (الشَّيْءُ) maksudnya 'sesuatu'.
- 3) KN nakirat (شَيْئًا) maksudnya 'sesuatu'.

Perbezaan-perbezaan pendapat tentang status ma: telah memberi implikasi terhadap i'ra:b ma: itu sendiri. Jurang perselisihan pendapat ini menjadi lebih kompleks apabila ia perlu dirujuk terlebih dahulu kepada apa yang terdapat selepasnya. Iaitu sama ada selepasnya terdapat KN tunggal (sepatah perkataan sahaja) atau ayat.

#### **i) Jika Selepas Ma: Terdapat Satu Perkataan KN**

Ahli-ahli sarjana bahasa dan linguistik bahasa Arab telah mengemukakan dua pandangan berkaitan i'ra:b ma: jika selepasnya terdapat satu perkataan tunggal KN sahaja. Berikut adalah i'ra:b-i'ra:b tersebut.

- 1) Ma: adalah KN ma'rifat sempurna yang bermaksud 'sesuatu' (الشَّيْءُ).

Ia dii'ra:b sebagai **pelaku** ni'ma dan bi'sa. KN selepasnya adalah mu'tada' mu'akkhar dan merupakan subjek pujian.

- 2) Ma: adalah KN nakirat yang bermaksud 'sesuatu' (شَيْئًا).

Ia dii'ra:b sebagai **tamyi:z**. Pelaku dalam ayat ini ialah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ). KN tunggal selepas ma: dii'ra:b sebagai mu'tada' mu'akkhar. Ia adalah subjek pujian atau celaan. Shawqi: Dayf (1982:192) adalah antara ahli bahasa yang berpegang dengan pandangan ini.

## ii) Jika Selepas Ma: Terdapat Ayat.

Terdapat tiga pendapat berkaitan i'ra:b ma: jika selepasnya terdapat ayat.

- 1) Ma: adalah KN relatif yang bermaksud 'yang'. Ia dii'ra:b sebagai **pelaku** (Dr 'Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:btiiyy,1992:1/298). Manakala ayat selepasnya dii'ra:b sebagai ṣillaṭnya (penghubungnya). Subjek pujian atau celaan telah dihapuskan dari ayat dan perlu dita'wi:l berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu. Pendapat ini disokong oleh beberapa sarjana bahasa seperti al-Farra:', al-Kisa:'iyy dan al-Fa:risiiyy (Sami:r Basyu:ni:, 2004,1/118). Ahli sarjana terkini yang berpegang dengan pandangan ini ialah Shawqi: Dayf (1982:192).
  
- 2) Ma: tersebut adalah KN relatif yang bermaksud 'yang'.  
Ia dii'ra:b sebagai **subjek pujian dan celaan**. Ayat selepasnya adalah ṣillaṭnya. Pelaku ni'ma dan bi'sa adalah KGND tersembunyi. Terdapat satu lagi ma: yang terletak selepas KGND tersebut tetapi telah dihapuskan dari ayat. Ia dii'ra:b sebagai tami:z.
  
- 3) Ma: adalah KN nakiraṭ yang bermaksud sesuatu (شَيْئًا).  
Ia dii'ra:b sebagai **tami:z**. Ayat selepasnya dii'ra:b sebagai ṣifaṭnya. Pelaku dalam ayat tersebut ialah KGND tersembunyi. Subjek pujian dan celaan boleh dizahirkan atau dibuang dari ayat (Sami:r Basyu:ni:, 2004:1/121). Pendapat ini disokong oleh al-Akhfash, al-Zajj:aj dan al-Zamakhshariyy (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/119).

### 2.11.2 Pelaku Yang Tersembunyi

Terdapat beberapa keadaan di mana pelaku ni'ma dan bi'sa tidak dinyatakan dalam struktur ayat. Dalam kaedah ilmu sintaksis bahasa Arab pelaku jenis ini telah dihapuskan atau disembunyikan. Terdapat satu syarat dikenakan jika pelaku ni'ma dan bi'sa adalah jenis tersembunyi ini, iaitu selepas KK ni'ma dan bi'sa wajib diletakkan sama ada tamiy:z (Al-Baghda:diyy,1999:1/114) atau lafaz ma: yang juga dii'ra:b sebagai tamiy:iz ('Aliyy Riḍa:, t.t:3/91). Tamiy:z dan ma: berfungsi untuk menerangkan pelaku kepada KK tersebut (Ami:n Ami:n 'Abd al-Ghaniyy,2000:440).

Contoh tamiy:z,

نَعْمَ قَوْمًا الْعَرَبُ

*Maksudnya: Sebaik-baik kaum adalah Arab.*

Contoh ma:,

نَعْمَ مَا يَقُولُ الْحَكِيمُ الْمُجَرَّبُ      وَبئسَ مَا يَقُولُ الْغِرَّالْأَحْمَقُ

*Maksudnya: Sebaik-baik apa yang dikatakan oleh si bijaksana ialah percubaan. Dan seburuk-buruk yang dikatakan oleh si bodoh ialah penipuan.*

Pelaku bagi kedua-dua ayat di atas adalah KGND tersembunyi. Terdapat 14 bentuk KGND dalam bahasa Arab. Tetapi hanya dua jenis sahaja yang boleh mewakili pelaku tersembunyi bagi ni'ma dan bi'sa iaitu KGND Orang Ketiga Maskulin dan Feminin Tunggal iaitu (هُوَ) dan (هِيَ). Bagi sesetengah pakar sintaksis Arab seperti 'Abba:s Ḥasan (1976:3/372), mereka mendakwa tamiy:z dan ma: diletakkan selepas ni'ma dan bi'sa adalah untuk menerangkan pelakunya. KGND tersebut adalah merujuk kepada perkataan yang sama dengan tamiy:z dan ma: yang terletak selepasnya tetapi tidak

dinyatakan dalam ayat. Pandangan ini telah disokong oleh Basyu:ni: (2004:1/111) dan beliau menambah bahawa tamiy:z dan ma: berfungsi untuk mentafsir pelaku tersembunyi tersebut.

Terdapat satu ayat yang diriwayatkan oleh al-Ḥasan yang menghapuskan pelaku tanpa dinyatakan tamiy:z atau ma:. Bacaan tersebut adalah dalam surah al-A'ra:f ayat 165.

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِمَ أَجْنَبْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوءِ وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا  
بِعَذَابٍ بَعْسٍ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٥﴾

Perkataan bi'sa dalam ayat di atas dibaca dengan bunyi ba'i:s dalam riwayat-riwayat lain. Menurut Abu: Ja'far al-Naḥḥa:s bacaan ini dianggap sebagai sha:dh. Walaubagaimanapun terdapat satu hadis nabi saw yang sama dengan situasi di atas. Sabda baginda saw (Al-Tirmidhiyy,1994:2/36),

مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِيهَا وَنَعِمَتْ، وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ

Ada sesetengah ahli sarjana menta'wi:lkannya sebagai,

فِيهَا وَنَعِمَتْ الْخَصْلَةُ

(Maḥmu:d Aḥmad al-Ṣaghi:r, 1999:468)

Jika pelaku ni'ma dan bi'sa adalah jenis KN tersurat atau zahir dalam ayat maka tamiy:z tidak diletakkan selepas ni'ma dan bi'sa atau selepas pelakunya. Jika tamiy:z diletakkan juga maka ia adalah untuk tujuan tawki:d sahaja ('Aliyy Riḍa:.,t.t:3/90). Contohnya,

نَعِمَ الرَّجُلُ رَجُلًا خَالِدٌ

*Maksudnya: Sebaik-baik lelaki ialah Khalid.*

KGND duaan dan jamak tidak boleh menjadi pelaku kepada ni'ma dan bi'sa. Tetapi tami:z yang berada selepas ni'ma dan bi'sa boleh menjadi duaan dan jamak (Al-Sabba:n,1997:3/45). Contohnya,

نَعَمَ امْرَأَيْنِ حَاتِمٌ وَكَعْبٌ

*Maksudnya: Sebaik-baik 2 orang ialah Ha:tim dan Ka'ab.*

Perkataan (امْرَأَيْنِ) dalam ayat di atas merupakan tami:z dan ia merupakan KN dalam pola duaan. Seperti biasa Doktrin Kufah mempunyai pandangan berbeza tentang isu ini. Mereka mendakwa pelaku pada ni'ma dan bi'sa boleh terdiri daripada KGND duaan dan jamak. Mereka menggunakan kata-kata Arab sebagai bukti iaitu,

مَرَرْتُ بِقَوْمٍ نَعَمُوا قَوْمًا

*Maksudnya: Aku melalui satu kaum,(mereka adalah) sebaik-baik kaum.*

Pandangan ini disokong kuat oleh al-Kisa:’iyy tetapi orang Arab jarang bercakap menggunakan cara ini (Al-Harmiyy,2005:2/873). Sepatutnya kata-kata di atas adalah seperti berikut.

مَرَرْتُ بِقَوْمٍ نَعَمَ قَوْمًا

## 2.12 Subjek Pujian Dan Celaan

Subjek pujian dan celaan merupakan satu istilah yang merujuk kepada manusia, objek atau sesuatu yang dikhususkan atau ditujukan pujian atau celaan. Contohnya,

نَعَمَ الرَّفِيقُ الْكِتَابُ وَبئسَ الصَّدِيقُ الشَّيْطَانُ

*Maksudnya : Sebaik-baik teman adalah buku dan sejahat-jahat teman adalah syaitan.*

Dalam ayat di atas perkataan ‘buku’ (الْكِتَابُ) adalah subjek pujian manakala perkataan ‘syaitan’ (الشَّيْطَانُ) merupakan subjek celaan. Subjek pujian dan celaan terbahagi kepada dua jenis (Al-Jurja:niyy, t.t:1/369), iaitu,

- 1) Yang tersurat (الْمَذْكُورُ) iaitu yang disebut dalam struktur ayat.
- 2) Yang dihapuskan (الْمَحذُوفُ) iaitu yang dibuang dari struktur ayat.

Kedua-dua jenis subjek ini akan dihurai satu-persatu dalam subtopik berikut.

### **2.12.1 Subjek Pujian Dan Celaan Yang Tersurat**

Subjek pujian atau celaan jenis tersurat ini ialah sesuatu yang ditujukan pujian atau celaan yang secara jelas dapat dikenalpasti dalam ayat ni‘ma dan bi’sa. Subjek-subjek pujian atau celaan mestilah perkataan dari jenis KN. Hakikatnya tidak semua perkataan KN boleh dijadikan subjek pujian atau celaan. Terdapat 6 syarat khas yang wajib dipenuhi dalam memilih sesuatu perkataan sebagai subjek pujian atau celaan. Syarat-syarat tersebut ialah seperti berikut.

- 1) Subjek tersebut mestilah KN ma‘rifat – sama ada KN khas yang tiada alif dan la:m atau KN dengan alif dan la:m di awal perkataan - atau KN nakirat yang dinyatakan sifatnya atau diida:fatkan (Na:yif Ma‘ru:f,1994:260). Contoh subjek pujian dari jenis KN m‘arifat ialah seperti berikut.

نَعْمَ الرَّجُلُ زَيْدٌ

*Maksudnya: Sebaik-baik lelaki ialah Zaid*

نَعْمَ الْكِتَابُ الْقُرْآنُ

*Maksudnya: Sebaik-baik buku ialah al-Quran.*

Contoh KN nakirat yang dinyatakan sifatnya,

نَعْمَ الطَّالِبُ طَالِبٌ يَجْتَهِدُ فِي دِرَاسَتِهِ

*Maksudnya: Sebaik-baik pelajar ialah pelajar yang bersungguh-sungguh dalam pelajarannya.*

Contoh yang diida:fatkan,

بِئْسَ الْخُلُقُ خُلُقُ الشَّيَاطِينِ

*Maksudnya: Seburuk-buruk akhlak ialah akhlak syaitan-syaitan.*

- 2) Subjek tersebut perlu lebih khusus dari pelakunya ('Abba:s Hasan:,1976,3/377).
- 3) Subjek tersebut mestilah selaras dengan pelaku dari segi jenis maskulin dan feminin serta bilangan (tunggal, duaan dan jamak) (Na:yif Ma'ru:f,1994:260).

Contoh,

نَعْمَ الرَّجُلُ أَخُوكَ	-	نَعْمَ الْفَتَاةُ أُخْتُكَ
نَعْمَ الرَّجُلَانِ أَخَوَاكَ	-	نَعْمَ الْفَتَاتَانِ أُخْتَاكَ
نَعْمَ الرَّجَالِ إِخْوَانُكَ	-	نَعْمَ الْفَتَيَاتِ أَخَوَاتُكَ

Jika berlaku perbezaan jenis - maskulin dan feminin- antara pelaku dan subjek pujian dan celaan maka KK ni'ma dan bi'sa boleh memilih sama ada menjadi maskulin atau feminin. Tetapi adalah lebih tepat jika ia diserasikan dengan pelakunya. (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/122). Contohnya,

بِئْسَ الشَّرِيكُ الزَّوْجَةُ السَّيِّئَةُ - بِئْسَتِ الشَّرِيكُ الزَّوْجَةُ السَّيِّئَةُ

*Maksudnya: Sekeji-keji rakan kongsi ialah isteri yang jahat.*

Dalam ayat di atas terdapat konflik antara pelaku dan subjek celaan. Pelaku dalam ayat iaitu (الشَّرِيكُ) adalah maskulin manakala subjek celaan iaitu (الزَّوْجَةُ السَّيِّئَةُ) adalah feminin. Dalam situasi ini KK bi'sa (maskulin) atau bi'sat (feminin) boleh digunakan. Walaubagaimanapun menggunakan bentuk maskulin iaitu bi'sa adalah lebih tepat supaya wujud keserasian antara KK dengan pelakunya dari segi sifat.

- 4) Subjek tersebut boleh dijadikan mubtada' mu'akkhar manakala KK dan pelakunya adalah khabar muqaddam.
- 5) Setiap subjek pujian dan celaan perlu diletakkan selepas pelaku. Ia tidak boleh diletakkan antara ni'ma dan bi'sa dan pelakunya (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/96). Tetapi ia boleh diletakkan sebelum KK pujian atau celaan. Contoh,

عُمَرُ نَعَمَ الْخَلِيفَةَ

*Maksudnya: Umar adalah sebaik-baik khalifah.*

- 6) Seandainya dimasukkan tami:z dalam ayat pujian atau celaan maka ia harus diletakkan antara pelaku dan subjek pujian dan celaan serta boleh juga diletakkan di akhir ayat tersebut. Contohnya,

بِئْسَ الْكَافِرُ رَجُلًا أَبُو لَهَبٍ  
بِئْسَ الْكَافِرُ أَبُو لَهَبٍ رَجُلًا

*Maksudnya: Sekeji-keji orang kafir lelaki ialah Abu Lahab.*

Dalam kebanyakan situasi subjek pujian dan celaan diletakkan di hujung ayat.



- 7) Jika pelaku adalah KGND tersembunyi maka wajib diletakkan subjek pujian dan celaan selepas tami:z (Dr ‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:btiiyy,1992:1/299). Contoh,

بِئْسَ امْرُؤٌ زَيْدٌ

*Maksudnya : Sebaik-baik seseorang adalah Zayd*

Walaupun bagaimanapun jika pelakunya adalah KN zahir maka subjek pujian boleh diletakkan sama ada sebelum atau selepas tami:z. Sila rujuk syarat enam.

### **2.12.2 Subjek Pujian Dan Celaan Yang Dihapuskan Dari Struktur Ayat**

Subjek pujian dan celaan boleh dihapus dari struktur ayat ni‘ma dan bi’sa. Untuk menghapuskan subjek pujian dan celaan maka syarat-syarat berikut perlu dipatuhi.

- 1) Perlu ada lafaz tertentu atau petunjuk tertentu yang merujuk kepada subjek pujian dan celaan (yang telah dihapus) sebelum ayat ni‘ma dan bi’sa tersebut atau sekurang-kurangnya subjek pujian dan celaan tersebut telah diketahui atau sedia maklum oleh pendengar atau pembaca walaupun telah dihapuskan dari struktur ayat (Al-Zamakhshariyy,1999:352).
- 2) Tidak boleh berlaku sebarang kekeliruan pada makna setelah subjek pujian dan celaan tersebut dihapuskan dari struktur ayat pujian dan celaan (‘Abba:s Ḥasan,1976:3/378).

### 2.12.3 Pandangan Sarjana Tentang I'ra:b Subjek Pujian Dan Celaan

Terdapat 4 pandangan telah dikemukakan oleh ahli-ahli sarjana nahu Arab tentang i'ra:b subjek pujian dan celaan. Pandangan-pandangan tersebut adalah seperti berikut.

- 1) Ia dii'ra:b sebagai muqtada' mu'akkhar (Al-Jurja:niyy,t:t:1/365). Manakala KK ni'ma dan bi'sa serta pelakunya yang terletak sebelumnya dii'ra:b sebagai khabar muqaddam. Contoh,

نَعْمَ الرَّجُلُ زَيْدٌ

*Maksudnya: Sebaik-baik lelaki ialah Zayd.*

Berdasarkan ayat di atas rangkaikata (نَعْمَ الرَّجُلُ) merupakan khabar muqaddam. Manakala subjek pujian iaitu (زَيْدٌ) adalah muqtada' mu'akkhar.

- 2) Ia dii'ra:b sebagai khabar. Manakala muqtada' pula dihapuskan atau dibuang dari struktur ayat. Ia dita'wi:l sebagai (هُوَ) atau (هِيَ) atau lain-lain perkataan berdasarkan maksud ayat. Contoh,

نَعْمَ الرَّجُلُ زَيْدٌ ← نَعْمَ الرَّجُلُ هُوَ زَيْدٌ

KN (زَيْدٌ) dii'ra:b sebagai khabar kepada muqtada' yang telah dihapuskan iaitu KGND tersembunyi (هُوَ).

- 3) Ia dii'ra:b sebagai muqtada'. Manakala khabarnya telah dihapuskan. Ia ta'wi:l sebagai (الْمَذْمُومُ) atau (الْمَمْدُوحُ) (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/123).
- 4) Menurut 'Abba:s Hasan (1976:3/379) terdapat pandangan lama yang menyatakan bahawa subjek pujian dii'ra:b sebagai badal kepada pelakunya.

Pendapat ini jarang dikemukakan dalam kitab-kitab nahu Arab. Malahan ada pendapat yang mengatakan i'ra:b badal pada hakikatnya sangat kuat dan lebih tepat berbanding i'ra:b yang lain. Tetapi kebanyakan ahli-ahli sarjana bahasa Arab tidak memasyhurkan pendapat ini tanpa dinyatakan sebarang alasan. Shawqi: Dayf (1982:191) merupakan antara sarjana bahasa Arab zaman sekarang yang berpegang dengan pandangan ini.

### **2.13 Teori Dan Pandangan Para Sarjana Arab Tentang KK Pujian Dan Celaan Dalam Pola KK Thula:thiyy Fa'ula**

Terdapat satu lagi bentuk Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan selain dari KK ni'ma dan bi'sa. Ia disebut sebagai KK pujian dan celaan dalam pola KK thula:thiyy fa'ula. Subtopik ini akan menghurai bagaimana pola tersebut menjadi sebahagian dari bentuk Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan dalam bahasa Arab serta cara-cara menukarkan KK biasa kepada KK pujian dan celaan. Selain itu penulis akan menghurai perbezaan-perbezaan KK jenis ini dengan KK ni'ma dan bi'sa.

Hakikatnya tidak semua KK thula:thiyy boleh dijadikan sebahagian frasa pujian dan celaan. Terdapat beberapa syarat perlu dipenuhi sebelum menjadikannya sebahagian frasa KK pujian dan celaan. Ada sesetengah KK tidak boleh ditukarkan kepada KK pujian dan celaan kerana kekangan-kekangan tertentu. Prasyarat utama untuk menjadikannya KK pujian dan celaan ialah memastikannya berada dalam pola KK fa'ula sama ada KK tersebut sedia berasal dari pola KK fa'ula atau perlu ditukarkannya

kepada pola KK fa'ula. Secara umumnya terdapat tiga jenis KK thula:thiyy yang boleh dijadikan KK pujian dan celaan, iaitu,

- 1) KK Thula:thiyy Ṣaḥi:h.
- 2) KK Thula:thiyy Berulang.
- 3) KK Thula:thiyy Mu'tal.

#### **2.14 KK Pujian Dan Celaan Di Bawah Pola KK Thula:thiyy Ṣaḥi:h**

Setiap perkataan dalam bahasa Arab sama ada KN, KK atau partikel mengandungi makna-makna tertentu yang tetap. Makna-makna tersebut tidak boleh diubah atau ditokok tambah sewenang-wenangnya tanpa mengikut prosedur dan syarat-syarat yang perlu diikuti.

Terdapat satu kaedah dalam ilmu sintaksis dan morfologi bahasa Arab yang menetapkan bahawa setiap perubahan fleksi dan penambahan huruf pada perkataan akan memberikan perubahan dan penambahan pada makna perkataan tersebut. Ahli morfologis bahasa Arab menyatakan bahawa makna asal sesuatu KK boleh ditambah dengan pelbagai makna tambahan seperti makna meminta, menyuruh, sendiri, dan lain-lain. Bahkan terdapat beberapa kaedah tertentu untuk menjadikan sesuatu KK mengandungi pujian atau celaan serta makna takjub padanya. KK-KK tersebut perlu memenuhi syarat-syarat berikut.

- 1) Ia mesti memenuhi syarat-syarat KK takjub ('Aliyy Riḍa:,t.t:3/93).

Antara syaratnya ialah ia merupakan KK thula:thiyy bukan nafy, boleh diderivasi, bukan KK na:qiş dan şifatnya bukan atas pola af'al (أَفْعَلَ) (Aḥmad Qabbish, 1979:61). Contoh KK-KK tersebut ialah,

عَلِمَ ، فَهِمَ ، عَمِلَ

Semua perkataan Arab yang terdiri daripada rangkaian huruf yang lebih dari 3 huruf tidak boleh dijadikan KK pujian dan celaan.

2) Ia mestilah mengikut Pola KK kala lampau fa'ula.

Iaitu baris 'atas' pada huruf pertama dan baris 'hadapan' pada huruf kedua, sama ada KK tersebut sememangnya berasal dari pola ini atau yang diubah kepada pola ini (Aḥmad Qabbish,1979:61). Contoh KK yang pola asalnya adalah fa'ula ialah,

حَسَنَ ، كَرُمَ ، كَبِرَ

KK ini menjadi KK pujian dan celaan tanpa melalui sebarang perubahan fleksi.

Ia dapat dikenal pasti sebagai KK pujian atau celaan melalui struktur ayat dan maknanya. Bagi KK yang bukan mengikut pola KK fa'ula maka ia perlu ditukar fleksinya menjadi seperti pola tersebut. Contohnya,

فَهْمَ ← فَهِمَ  
 بُرْعَ ← بُرِعَ  
 جَهْلَ ← جَهُلَ

Selain itu KK-KK pujian dan celaan jenis pola fa'ula ini juga mempunyai beberapa ciri khusus ('Abba:s Ḥasan,1976: 3/386). Ciri-ciri tersebut ialah seperti berikut.

1) Ia adalah bersifat KK tak transitif (لَا زِمُّ).

Semua KK pujian dan celaan dalam pola KK fa'ula adalah dari jenis KK tak transitif atau dalam istilah sintaksis bahasa Arab ia disebut KK la:zim. Sekiranya sifat asal perkataan tersebut adalah dari jenis KK transitif atau KK muta'addi: maka sifatnya akan berubah kepada KK tak transitif setelah ditukarkan kepada pola KK fa'ula.

2) Ia tidak mengandungi makna kala.

3) Ia adalah KK kala lampau ja:mid.

Iaitu tidak boleh diderivasikan kepada KK kala kini, KK suruhan, KN terbitan dan lain-lain. Walaubagaimanapun al-Hudariyy (1988:2/104) berpendapat ia boleh diderivasi kepada pola duaan dan jamak.

4) Setiap KK yang mengikut pola KK fa'ula kekal dengan makna asalnya tetapi ditambah makna pujian atau celaan dan makna takjub.

Berikut adalah contoh proses perubahan fleksi dan makna KK thula:thiyy yang diderivasi kepada KK pujian dan celaan mengikut pola KK fa'ula,

فَهَمَ الْمُتَعَلِّمُ

*Maksudnya : Pelajar itu faham.*

Perkataan 'fahima' dalam ayat di atas mengandungi makna telah faham. Ia tidak mengandungi makna lain. Apabila KK 'fahima' ditukar polanya menjadi 'fahuma' maka KK tersebut menjadi KK pujian.

فَهُمُ الْمُتَعَلِّمُ

*Maksudnya : Betapa(sungguh) faham pelajar itu.*

Perkataan ‘fahuma’ dalam ayat ini membawa maksud si penutur memuji pelajar tersebut dan berasa takjub dengan pemahamannya. Makna pujian dan perasaan takjub ditambah pada makna asal KK tersebut setelah ia ditukar fleksinya kepada ‘fahuma’. Contoh KK celaan pula adalah seperti berikut,

جَهْلَ الْمُهْمَلُ

*Maksudnya : Orang lalai itu bodoh.*

Perkataan ‘jahila’ hanya mengandungi makna ‘bodoh’ sahaja. Si penutur hanya membuat kenyataan bahawa orang lalai itu bersifat bodoh. Apabila perkataan ‘jahila’ ditukar menjadi ‘jahula’ maka KK tersebut menjadi KK celaan dan berlaku pertambahan maksud celaan dan takjub pada makna asalnya.

جَهْلَ الْمُهْمَلِ

*Maksudnya : Betapa (sungguh) bodoh orang lalai itu.*

Ungkapan di atas menerangkan tentang celaan terhadap orang lalai yang bodoh dan berasa takjub dengan kebodohnya. Makna celaan dan takjub ditambah pada makna bodoh pada KK tersebut setelah ia bertukar kepada pola KK fa‘ula.

Menurut ‘Abba:s Hasan (1976:3/386) kedudukan KK fa‘ula adalah sama dengan KK ni‘ma dan bi’sa yang memerlukan pelaku serta subjek pujian atau celaan dan dalam keadaan tertentu ia juga memerlukan tamiy:z. Contohnya seseorang berkata,

خَبِثَ الْمَاكِرُ سَعِيدٌ dan فَهُمُ الْمُتَعَلِّمُ زَيْدٌ

Seolah-olah dia berkata,

بِئْسَ الْخَائِبُ سَعِيدٌ dan نَعَمَ الْفَاهِمُ زَيْدٌ

KK yang telah ditukarkan kepada pola KK fa'ula boleh dikekalkan dalam pola tersebut dan harus juga ditukarkan polanya kepada pola fa'la iaitu dengan meletakkan fleksi 'atas' pada huruf pertama dan 'jazam' pada huruf kedua atau kepada pola fu'la iaitu dengan meletakkan fleksi 'hadapan' pada huruf pertama dan 'jazam' pada huruf kedua. Makna pujian atau celaan dan makna takjub kekal bersama perubahan ini. Contohnya,

حُسْدٌ ← حَسْدٌ ← حَسْدٌ  
 عُدْلٌ ← عَدْلٌ ← عُدْلٌ

Menurut al-Ḥudariyy (1998:2/104) terdapat 6 ciri yang membezakan antara KK fa'ula dan KK ni'ma dan bi'sa iaitu,

- a) Dua perbezaan terletak pada maknanya.

KK fa'ula merupakan KK pujian atau celaan khas atau khusus serta mengandungi makna takjub. Manakala KK ni'ma dan bi'sa mengandungi makna pujian dan celaan umum dan tidak mengandungi makna takjub.

- b) Dua perbezaan lagi terdapat pada pelakunya yang zahir.

Pelaku KK fa'ula boleh terdiri daripada KN ma'rifaṭ yang tiada alif dan la:m serta boleh didahului dengan partikel genitif tambahan. Contoh pelaku KK fa'ula boleh terdiri daripada KN ma'rifaṭ yang tiada alif dan la:m ialah,

حُسْدُ زَيْدٍ

Contoh pelakunya boleh didahului dengan partikel genitif tambahan,

حَسَنَ الْجَارِ مُعَاشِرَةً ← حَسَنَ بِالْجَارِ مُعَاشِرَةً



Manakala pelaku KK ni‘ma dan bi’sa mesti terdiri daripada KN ma‘rifat yang mengandungi alif dan la:m atau ida:faṭ ma‘rifat serta tidak boleh didahului dengan partikel genitif.

- c) Dua perbezaan lagi terdapat pada sifat pelakunya.

Pelaku KK fa‘ula boleh terdiri daripada KGND duaan dan jamak yang boleh dirujuk kepada sesuatu sebelumnya atau boleh diserasikan dengan muḥtada’ .

Contohnya,

مُحَمَّدٌ كَرِيمٌ رَجُلًا ← مُحَمَّدَانِ كَرِيمَا رَجُلَيْنِ ← مُحَمَّدُونَ كَرِيمُونَ رَجُلَاءً

Dalam keadaan ayat seperti di atas, pelaku KK fa‘ula - iaitu KGND duaan dan jamak - adalah dirujuk kepada muḥtada’. Pelaku KK ni‘ma dan bi’sa tidak boleh terdiri daripada KGND duaan dan jamak serta tidak boleh diserasikan dengan muḥtada’ seperti ayat di atas.

Menurut ‘Uḍaymaṭ (1972,10/345), al-Fa:risiyy serta kebanyakan ahli sarjana nahu membenarkan KK fa‘ula diletakkan bersama topik ni‘ma dan bi’sa. Oleh itu semua hukum pelaku serta syarat ni‘ma dan bi’sa berlaku padanya. Menurut al-Akhfash dan al-Mubarrad lagi, ia juga boleh diletakkan di bawah topik Gaya Bahasa Takjub tetapi hukum pelaku ni‘ma dan bi’sa serta semua hukum berkaitan dengannya tidak boleh diaplikasikan kepada KK fa‘ula ini - jika ia di letakkan dibawah topik Gaya Bahasa Takjub.

## 2.15 KK Pujian Dan Celaan Dalam Pola KK Thula:thiyy Berulang

KK thula:thiyy berulang ialah KK yang terdiri daripada tiga huruf di mana huruf yang kedua dan ketiga merupakan huruf yang sama atau berulang. Contohnya,

عَدَّ - حَبَّ - جَرَّ

KK-KK di atas asalnya adalah seperti berikut,

عَدَّ ← عَدَّ  
حَبَّ ← حَبَّ  
جَرَّ ← جَرَّ

Untuk menukarkannya menjadi KK pujian dan celaan maka beberapa syarat perlu dipenuhi. Syarat-syarat dan ciri-ciri yang terdapat pada KK thula:thiyy ṣaḥiḥ juga terdapat pada KK thula:thiyy berulang. Berikut adalah cara menukarkan KK thula:thiyy berulang kepada KK pujian dan celaan mengikut pola KK Fa‘ula.

- i) Huruf-hurufnya dirungkai terlebih dahulu.

حَبَّ ← حَبَّ

- ii) Tukarkan fleksinya kepada pola fa‘ula.

حَبُّ ← حَبُّ

- iii) Kemudian diidgha:amkan huruf kedua kepada huruf ketiga yang serupa dengannya. KK tersebut boleh dibaca dengan dua bacaan iaitu sama ada huruf awalnya berbaris ‘atas’ atau ‘hadapan’ (Al-Zamakhshariyy, 1999:353 dan ‘Abba:s Ḥasan,1976:3/390).

حَبُّ ← حَبُّ/حَبُّ

KK thula:thiyy berulang yang termasuk dalam KK pujian ialah (حَبُّ) manakala KK celaan pula (مَا حَبُّ) dan (لَا حَبُّ). Perkataan (حَبُّ) dii‘ra:b sebagai KK kala lampau

jami:d. Manakala (ذَا) adalah KN relatif. Ia dii'ra:b sebagai pelaku. Rangkaikata (حَبْدًا) dii'ra:b sebagai khabar muqaddan. Manakala subjek pujian dii'ra:b sebagai mu'tada' mu'akkhar. Apabila perkataan (مَا) dan (لَا) ditambah pada KK (حَبْدًا) maka ia menjadi KK celaan (Na:yif Ma'ru:f, 1994:260).

## 2.16 KK Pujian Dan Celaan Dalam Pola KK Thula:thiyy Mu'tal

KK thula:thiyy mu'tal ialah KK yang terdiri daripada tiga huruf, di mana satu atau dua dari huruf-hurufnya adalah huruf 'illat – iaitu alif atau wa:w atau ya:'. Pola KK thula:thiyy mu'tal terdiri dari 4 pola (Al-Ra:jihyy, 1984:24). Berikut adalah pola-pola KK thula:thiyy mu'tal dan cara-cara menukarkannya kepada KK pujian dan celaan.

### 1) Mu'tal al-Mitha:l

Iaitu KK yang mengandungi huruf 'illat di awal perkataan. Contohnya,

يَيْسَ، يَيْسُ، وَجَدَ، وَعَدَ، وَصَفَ

Cara menukarkan KK mu'tal al-mitha:l kepada KK pujian dan celaan adalah sama seperti KK thula:thiyy ṣaḥi:h, iaitu mengubahnya kepada pola fa'ula.

Contohnya,

وَتَّقِ	←	وَتَّقِ
وَفَدَّ	←	وَفَدَّ
وَعَدَّ	←	وَعَدَّ

### 2) Mu'tal al-Ajwaf

Iaitu KK yang mengandungi huruf 'illat di tengah perkataan.

Contohnya,

قَالَ، بَاعَ، سَارَ، سَاءَ

Menurut al-Sayu:ṭiyy (1998:3/29) KK mu'tal al-ajwaf boleh ditukar menjadi KK pujian atau celaan dengan mengekalkannya seperti bentuk asalnya.

Contoh ayat,

قَالَ الرَّجُلُ زَيْدٌ

*Maksudnya : Sebaik-baik lelaki yang berkata-kata ialah Zaid.*

KK celaan mu'tal al-ajwaf yang kerap digunakan ialah perkataan (سَاءَ).

Menurut Ahmad Qabbish (1979:61) KK celaan (سَاءَ) asalnya adalah (سَوًّا) kemudian dikembalikan kepada bentuk asalnya menjadi (سَاءَ).

### 3) Mu'tal al-Lafi:f dan Lafi:f Maqru:n

Iaitu KK yang mengandungi dua huruf 'illat. Sama ada huruf 'illat tersebut pada huruf pertama dan ketiga atau pada huruf kedua dan ketiga KK. Contohnya adalah seperti berikut.

وَشَى، وَعَى، وَلَى - كَوَى، عَوَى، قَوَى

Jika huruf mu'tal pada huruf kedua dan ketiga asalnya wa:w maka hendaklah dikekalkan seperti asalnya. Contohnya perkataan (قَوَى) asalnya adalah (قَوَوَ).

Untuk menjadikannya KK pujian maka ia hendaklah dikekalkan seperti sedia kala iaitu (قَوَى). Selain itu diharuskan juga untuk dijazamkan pada huruf kedua seperti seperti berikut.

قَوَى ← قَوَى

Jika huruf mu'tal adalah pada huruf kedua dan ketiga dan asalnya adalah wa:w dan ya:' maka hendaklah ditukarkan huruf ya:' kepada huruf wa:w. Contohnya adalah seperti berikut.

شَوَى ← شَوَّ

Diharuskan juga untuk dikekalkan pada bunyi asalnya iaitu ya:' di akhir perkataan (شَوَى) tetapi huruf kedua hendaklah dijazamkan seperti berikut.

شَوَى ← شَوِيَّ

4) Mu'tal al-Na:qiṣ

Iaitu KK yang mengandungi huruf 'illaṭ di hujung perkataan. Contohnya,

مَشَى، سَعَى، دَعَا

Jika huruf 'illaṭ adalah pada huruf ketiga dengan huruf 'illaṭ wa:w atau alif (yang asalnya adalah wa:w) maka hendaklah dizahirkan wa:w, diletakkan baris 'atas' pada huruf pertama dan huruf tengahnya diletakkan baris 'hadapan'. Contohnya, adalah seperti berikut.

سَرَا ← سَرُوَ

عَزَا ← عَزُوَ

Jika huruf ketiga adalah huruf 'illaṭ ya:', maka huruf ya:' tersebut ditukar kepada huruf wa:w dan huruf kedua hendaklah diletakkan baris 'hadapan'. Contoh adalah seperti berikut.

خَشَى ← خَشُوَ

رَمَى ← رَمُوَ

KK-KK thula:thiyy mu'tal yang ditukar menjadi KK pujian atau celaan juga mengandungi makna takjub (Al-Khawa:rizmiyy,1990:3/315). Ciri ini sama

seperti KK pujian dan celaan dalam pola KK thula:thiyy ṣaḥi:h. Apabila dimasukkan unsur-unsur ini dalam KK tersebut maka ia menjadi KK kala lampau ja:mid dan tidak boleh diderivasikan (Al-Ṭari:fiyy,2003:161). Setiap syarat dan hukum yang berlaku ke atas KK ni'ma dan bi'sa dan pola KK fa'ula juga berlaku ke atas KK mu'tal ini (Ami:n Ami:n 'Abd al-Ghaniyy, 2000:449).

## 2.17 Penutup

Berikut adalah intipati bab ini yang mana ia boleh menerangkan keseluruhan perbincangan bab ini.

Penulis telah membahagikan KK pujian dan celaan kepada dua kategori, iaitu KK dalam bentuk frasa ni'ma dan bi'sa serta KK dalam bentuk pola KK thula:thiyy fa'ula. Setiap ayat pujian dan celaan sama ada - dalam bentuk frasa ni'ma dan bi'sa serta KK dalam bentuk pola KK thula:thiyy fa'ula - mengandungi 3 komponen penting, iaitu KK, pelaku dan subjek pujian atau celaan.

Pelaku-pelaku ni'ma dan bi'sa agak kompleks kerana ia hanya boleh terdiri daripada KN-KN tertentu sahaja, iaitu KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m di awal perkataan, KN muḍa:f yang mana muḍa:f ilayhnya adalah KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m serta KN relatif. Subjek pujian dan celaan boleh dihapuskan dari ayat tetapi perlu ada petunjuk-petunjuk tertentu yang menerangkannya. Gabungan rangkaian KK pujian dan celaan serta pelakunya dii'ira:b sebagai khabar muqaddam manakala subjeknya pula adalah mu'tada' mu'akkhar.

KK-KK thula:thiyy boleh menjadi KK pujian dan celaan setelah ditukar kepada pola fa'ula. Selain mengandung maksud pujian atau celaan ia juga mengandung makna takjub dan ia tunduk kepada syarat-syarat dan hukum-hukum Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.